



NOTA PENERANGAN

A circular inset image showing a modern, curved glass skyscraper under a blue sky with white clouds.

BORANG NYATA CUKAI KEUNTUNGAN MODAL

BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA



**NOTA PENERANGAN BORANG NYATA CUKAI KEUNTUNGAN MODAL
BNCKM (CKM1 - 1/2024)
Kemaskini: 20 Mac 2024**

Nota penerangan ini disediakan bagi membantu pembayar cukai melengkapkan Borang Nyata Cukai Keuntungan Modal (BNCKM) untuk pelaporan laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Garis panduan berkenaan cukai keuntungan modal bagi saham tidak tersenarai boleh dirujuk di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) > Perundangan > Garis Panduan > Garis Panduan Teknikal.

Sila baca nota penerangan ini dengan teliti supaya pengisian dan pengisytiharan laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal adalah benar, betul dan lengkap. **Pembayar cukai hendaklah menyediakan helaian kerja yang berkenaan sebelum melengkapkan BNCKM.**

Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula dari akhir tahun di mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

Sila isi semua ruangan yang berkaitan dengan **HURUF BESAR**. Biarkan kosong sekiranya ruangan yang disediakan adalah tidak berkenaan.

Peringatan:

Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) pelupusan pada tarikh yang sama melalui perjanjian atau dokumen pelupusan yang berbeza, pembayar cukai dinasihatkan untuk melaporkan pelupusan yang melibatkan kerugian larasan terlebih dahulu supaya kerugian larasan tersebut boleh dituntut dalam pelaporan BNCKM yang seterusnya.

Pengenaan Cukai Atas Laba Atau Keuntungan Pelupusan Aset Modal

Mulai 1 Januari 2024, syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang menerima laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal yang terdiri daripada:

- a) saham tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia; atau
- b) saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya, yang mana dianggap sebagai terbit dari Malaysia (seksyen 15C)

adalah tertakluk kepada cukai keuntungan modal di bawah ACP 1967.

Entiti Labuan (syarikat Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan, yayasan dan amanah Labuan) yang memilih atau tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah ACP 1967 adalah juga tertakluk kepada pengenaan cukai keuntungan modal.

Suatu keuntungan aset modal layak dicukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang mana pelupusan aset tersebut berlaku. Setiap pelupusan aset modal hendaklah dilaporkan secara berasingan dan dianggap sebagai punca pendapatan pelupusan aset modal yang berasingan di antara satu sama lain.

Pengemukaan BNCKM dan bayaran cukai keuntungan modal **hendaklah dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan aset modal.**

Tempoh Pengecualian Cukai Atas Laba Atau Keuntungan Pelupusan Aset Modal

Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang melupuskan aset modal yang tersebut di atas bagi **tempoh 1 Januari 2024 hingga 29 Februari 2024** adalah dikecualikan daripada cukai keuntungan modal.

Pelupusan aset modal dalam tempoh itu adalah TIDAK tertakluk kepada pengemukaan BNCKM.

BNCKM hendaklah dikemukakan bagi pelupusan aset modal mulai 1 Mac 2024.

Tanggungjawab Pengemukaan BNCKM

Tanggungjawab pengemukaan BNCKM adalah terletak kepada orang yang layak kena cukai menurut peruntukan seksyen 66 hingga seksyen 75B.

Pembayar cukai boleh melantik ejen cukai berlesen di bawah seksyen 153 bagi tujuan pengemukaan BNCKM.

Penalti di bawah seksyen 112(3) boleh dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengemukakan borang nyata tersebut kepada LHDNM.

Item	Ruangan	Catatan
BAHAGIAN A: MAKLUMAT PELUPUS		
Maklumat bahagian ini hendaklah dilengkapkan berdasarkan dokumen pelupusan aset modal sama ada perjanjian jual beli bertulis / borang suratcara pindah milik di bawah seksyen 105 Akta Syarikat 2016 atau lain-lain dokumen berkenaan pindah milik aset modal.		
(Helaian kerja HK-CKM1 hendaklah dilengkapkan sebelum mengisi bahagian ini)		
A1	Nama pelupus	<p>Isi nama pelupus. Pelupus adalah merujuk kepada pembayar cukai yang tertakluk kepada pengemukaan BNCKM di bawah seksyen 77A(1B) seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Syarikat / perkongsian liabiliti terhad / badan amanah / koperasi; atauii. Entiti Labuan (syarikat Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan, yayasan dan amanah Labuan) yang memilih atau tertakluk kepada ACP 1967. <p>Bilangan pelupus melebihi seorang Sekiranya perjanjian atau dokumen pelupusan melibatkan lebih daripada satu (1) pelupus, setiap pelupus yang tertakluk kepada seksyen 77A(1B) perlu mengemukakan BNCKM secara berasingan dan melengkapkan maklumat pelupus lain di dalam BNCKM yang dikemukakan.</p>
A2	No. Pengenalan Cukai (TIN)	<p>Isi No. Pengenalan Cukai (TIN). Contoh: C 10234567080.</p> <p>Sekiranya tiada nombor pengenalan cukai (TIN), pendaftaran boleh dibuat melalui aplikasi e-Daftar di https://edaftar.hasil.gov.my atau di pejabat LHDNM berhampiran jika kemudahan e-Daftar bagi kategori pembayar cukai belum tersedia.</p>
A3	Negara diperbadankan	<p>Isi "MY" bagi pelupus diperbadankan di Malaysia. Sekiranya bukan diperbadankan di Malaysia, sila rujuk kod negara yang disediakan di Lampiran A nota penerangan ini.</p>

Item	Ruangan	Catatan
A4	No. pendaftaran	Isi maklumat seperti sijil pendaftaran.
A5	Negara mastautin	Isi maklumat negara mastautin. Isi "MY" bagi pelupus yang bermastautin di Malaysia. Sekiranya tidak bermastautin di Malaysia sila rujuk kod negara yang disediakan di Lampiran A nota penerangan ini.
A6	E-mel	Isi alamat e-mel pelupus.
A7	No. telefon	Isi nombor telefon pejabat / telefon bimbit.
A8	Alamat surat-menyurat	Isi alamat surat-menyurat pelupus.
<p>(Sekiranya pelupusan aset modal yang dimiliki atas nama wakil, sila isi maklumat wakil)</p> <p>Isi maklumat A9 hingga A13, jika aset modal yang dimiliki oleh pelupus (prinsipal) dipegang atas nama wakil yang dilantik oleh prinsipal.</p>		
A9	Nama wakil	Isi maklumat nama wakil seperti dalam kad pengenalan baharu / pasport terkini / sijil pendaftaran.
A10	No. Pengenalan Cukai (TIN)	Isi No. Pengenalan Cukai (TIN). Contoh: C 10234567080.
A11	No. pengenalan terkini / pasport terkini / pendaftaran	Isi nombor MyKad / kad pengenalan baharu / pasport terkini / nombor pendaftaran.
A12	No. telefon	Isi nombor telefon rumah / pejabat / telefon bimbit.
A13	E-mel	Isi alamat e-mel peribadi untuk individu atau e-mel pejabat untuk selain individu.
<p>(Sekiranya lebih daripada satu pelupus dalam satu dokumen pelupusan, sila isikan maklumat pelupus lain)</p>		
A14	Nama pelupus	Isi nama pelupus lain berdasarkan perjanjian / dokumen pelupusan. Pelupus lain boleh terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> i. Individu / syarikat / perkongsian liabiliti terhad / koperasi / pertubuhan / perkongsian / keluarga sekutu hindu; ii. Wakil; iii. Pentadbir harta pusaka (wasi); iv. Pemegang amanah; v. Entiti Labuan; atau vi. Lain-lain entiti
A15	No. pengenalan / pasport / pendaftaran	Isi nombor MyKad / kad pengenalan baharu / pasport terkini / nombor pendaftaran (jika berkenaan).

Item	Ruangan	Catatan				
BAHAGIAN B: MAKLUMAT PELUPUSAN						
Maklumat bahagian ini hendaklah dilengkapi berdasarkan dokumen pelupusan / pemerolehan aset modal sama ada perjanjian jual beli bertulis / borang suratcara pindah milik di bawah seksyen 105 Akta Syarikat 2016 atau lain-lain dokumen berkenaan pindah milik aset modal.						
(Helaian kerja HK-CKM1 hendaklah dilengkapi sebelum mengisi bahagian ini)						
B1	Jenis pelupusan aset modal	<p>Isi maklumat berdasarkan jenis aset modal yang dilupuskan:</p> <p>1 = Pelupusan saham tidak tersenarai syarikat diperbadankan di Malaysia; atau</p> <p>2 = Pelupusan saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia di bawah seksyen 15C.</p>				
B2	Pelupusan tertakluk kepada nilai pasaran di bawah subseksyen 65E(8), 65E(14) dan 65F(6)	<p>Isi "1=Ya" bagi pelupusan aset modal tertakluk kepada nilai pasaran; atau</p> <p>Isi "2=Tidak" bagi pelupusan aset modal tidak tertakluk kepada nilai pasaran.</p> <p>Pelupusan aset modal yang tertakluk kepada nilai pasaran:</p> <table border="1" data-bbox="667 846 1477 2002"> <thead> <tr> <th data-bbox="667 846 871 880">Subseksyen</th> <th data-bbox="871 846 1477 880">Pelupusan Tertakluk Nilai Pasaran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="667 880 871 2002">65E(8)</td> <td data-bbox="871 880 1477 2002"> <p>a) jika pemerolehan atau pelupusan aset modal adalah merupakan transaksi tidak selengan dan khususnya dengan cara pemberian hadiah;</p> <p>b) jika pemerolehan atau pelupusan keseluruhan atau sebahagian aset modal dengan balasan yang tidak dapat dinilai;</p> <p>c) jika pelupus:</p> <ul style="list-style-type: none"> • memperoleh aset modal sebagai pemegang amanah (bagi pemiutang kepada mana-mana orang) bagi membayar sepenuh atau sebahagian daripada hutang yang kena bayar oleh orang itu; atau • memindahkan aset modal sebagai pemegang amanah (bagi pemiutang kepada mana-mana orang) untuk membayar sepenuhnya atau sebahagian daripada hutang yang kena bayar kepada pemiutang; <p>d) jika pemerolehan atau pelupusan aset modal dalam suatu transaksi pindah milik perniagaan yang dibuat dengan suatu balasan sekaligus; atau</p> <p>e) jika pelupusan aset modal melibatkan transaksi antara orang berkaitan. Orang berkaitan adalah sebagaimana peruntukan seksyen 65E(9) ACP.</p> </td> </tr> </tbody> </table>	Subseksyen	Pelupusan Tertakluk Nilai Pasaran	65E(8)	<p>a) jika pemerolehan atau pelupusan aset modal adalah merupakan transaksi tidak selengan dan khususnya dengan cara pemberian hadiah;</p> <p>b) jika pemerolehan atau pelupusan keseluruhan atau sebahagian aset modal dengan balasan yang tidak dapat dinilai;</p> <p>c) jika pelupus:</p> <ul style="list-style-type: none"> • memperoleh aset modal sebagai pemegang amanah (bagi pemiutang kepada mana-mana orang) bagi membayar sepenuh atau sebahagian daripada hutang yang kena bayar oleh orang itu; atau • memindahkan aset modal sebagai pemegang amanah (bagi pemiutang kepada mana-mana orang) untuk membayar sepenuhnya atau sebahagian daripada hutang yang kena bayar kepada pemiutang; <p>d) jika pemerolehan atau pelupusan aset modal dalam suatu transaksi pindah milik perniagaan yang dibuat dengan suatu balasan sekaligus; atau</p> <p>e) jika pelupusan aset modal melibatkan transaksi antara orang berkaitan. Orang berkaitan adalah sebagaimana peruntukan seksyen 65E(9) ACP.</p>
Subseksyen	Pelupusan Tertakluk Nilai Pasaran					
65E(8)	<p>a) jika pemerolehan atau pelupusan aset modal adalah merupakan transaksi tidak selengan dan khususnya dengan cara pemberian hadiah;</p> <p>b) jika pemerolehan atau pelupusan keseluruhan atau sebahagian aset modal dengan balasan yang tidak dapat dinilai;</p> <p>c) jika pelupus:</p> <ul style="list-style-type: none"> • memperoleh aset modal sebagai pemegang amanah (bagi pemiutang kepada mana-mana orang) bagi membayar sepenuh atau sebahagian daripada hutang yang kena bayar oleh orang itu; atau • memindahkan aset modal sebagai pemegang amanah (bagi pemiutang kepada mana-mana orang) untuk membayar sepenuhnya atau sebahagian daripada hutang yang kena bayar kepada pemiutang; <p>d) jika pemerolehan atau pelupusan aset modal dalam suatu transaksi pindah milik perniagaan yang dibuat dengan suatu balasan sekaligus; atau</p> <p>e) jika pelupusan aset modal melibatkan transaksi antara orang berkaitan. Orang berkaitan adalah sebagaimana peruntukan seksyen 65E(9) ACP.</p>					

Item	Ruangan	Catatan	
		65E(14)	<p>Jika aset modal dilupuskan dengan cara ditukar ganti dengan aset lain (sama ada aset boleh dikenakan cukai atau tidak), nilai pasaran aset yang diterima oleh pelupus itu hendaklah diambil sebagai balasan bagi pelupusan.</p> <p>Sekiranya nilai pasaran aset yang diterima oleh pelupus itu tidak dapat ditentukan, maka nilai pasaran aset yang dilupuskan akan diambil sebagai balasan bagi pelupusan.</p>
		65F(6)	<p>Jika suatu aset modal yang diperolehi atau dipegang oleh pelupus diambil kira sebagai stok dagangan, maka suatu pelupusan disifatkan berlaku pada tarikh aset modal itu diambil kira sebagai stok dagangan.</p> <p>Harga pelupusan adalah nilai pasaran aset modal pada tarikh ia diambil kira sebagai stok dagangan</p>
B3	Memiliki perjanjian pelupusan aset modal	<p>Jika pelupusan adalah perjanjian bertulis:</p> <p>Isi "1=Ya" jika pelupusan aset modal berdasarkan perjanjian bertulis ; atau</p> <p>Isi "2=Tidak" sekiranya tiada perjanjian bagi pelupusan aset modal.</p>	
B4a	Aset modal diperolehi sebelum 01/01/2024	<p>Merujuk kepada tarikh pemerolehan aset modal:</p> <p>Isi "1=Ya" jika aset modal yang dilupuskan termasuk aset modal yang diperolehi sebelum 1/1/2024; atau</p> <p>Isi "2=Tidak" bagi aset modal yang dilupuskan diperolehi pada atau selepas 01/01/2024.</p> <p>(Sekiranya B4a adalah "1=Ya" isi maklumat di B4b)</p>	
B4b	Memilih dicukai pada kadar 2% atas harga pelupusan kasar	<p>Merujuk kepada tarikh pemerolehan aset modal, jika B4a = Ya :</p> <p>Isi "1=Ya" sekiranya memilih untuk dicukai pada kadar 2% atas harga pelupusan kasar; atau</p> <p>Isi "2=Tidak" sekiranya memilih untuk dicukai pada kadar 10% atas pendapatan bercukai.</p>	
B5	Pelupusan aset modal dikecualikan cukai di bawah seksyen 127	<p>Warta Kerajaan Persekutuan yang berkenaan hendaklah dirujuk bagi menentukan kelayakan sebelum mengisi ruangan ini.</p> <p>Rujuk Lampiran B untuk senarai pelupusan aset modal yang dikecualikan cukai di bawah seksyen 127.</p> <p>Isi "1=Ya" bagi pelupusan aset modal dikecualikan di bawah seksyen 127 ; atau</p> <p>Isi "2=Tidak" jika tidak berkenaan / tidak layak dikecualikan di bawah seksyen 127.</p>	

Item	Ruangan	Catatan
B6	Maklumat saham yang dilupuskan	
B6a	Nama syarikat yang menerbitkan saham	Isi nama syarikat yang menerbitkan saham.
B6b	No. pendaftaran syarikat	Isi maklumat seperti di sijil pendaftaran.
B6c	Negara diperbadankan	Isi "MY" bagi syarikat diperbadankan di Malaysia. Sekiranya bukan diperbadankan di Malaysia, sila rujuk kod negara yang disediakan di Lampiran A nota penerangan ini.

BAHAGIAN C: MAKLUMAT TARIKH PELUPUSAN DAN TAHUN TAKSIRAN

C1	Tarikh Pelupusan	<p>Tarikh pelupusan aset modal ditentukan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Jika pelupusan berdasarkan perjanjian bertulis <ol style="list-style-type: none"> a. pada tarikh perjanjian; atau b. pada tarikh syarat dipenuhi jika perjanjian bertulis adalah kontrak bersyarat*; <p style="text-align: center;">ATAU</p> <ol style="list-style-type: none"> ii. Jika tiada perjanjian bertulis, pada tarikh penyelesaian pelupusan iaitu: <ol style="list-style-type: none"> a. tarikh aset dipindah milik oleh pelupus; atau b. tarikh di mana kesemua amaun atau nilai balasan untuk pindah milik itu telah diterima oleh pelupus. yang mana lebih awal. <p>Nota:</p> <p>* Di mana perjanjian untuk pelupusan aset modal adalah kontrak bersyarat, tarikh pelupusan adalah pada tarikh kontrak ditandatangani. Bagi kontrak yang memerlukan kelulusan daripada Kerajaan atau Kerajaan Negeri, tarikh pelupusan adalah tarikh kelulusan Kerajaan atau Kerajaan Negeri.</p>
C2	Tahun Taksiran	Isi tahun taksiran di mana tarikh pelupusan aset modal berlaku.
C3	Tempoh perakaunan	<p>Tempoh perakaunan di mana pelupusan berlaku. Isi ruangan ini berdasarkan tempoh perakaunan yang akan dilaporkan dalam penyata tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia / Suruhanjaya Koperasi Malaysia / pihak berkuasa berkaitan.</p> <p>Sekiranya meminda tempoh perakaunan, makluman pertukaran tempoh perakaunan menggunakan CP204B hendaklah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>
C4	Tempoh asas	<p>Isi tempoh asas berdasarkan tahun taksiran dan tempoh perakaunan di mana pelupusan aset modal berlaku.</p> <p>Sekiranya meminda tempoh perakaunan, makluman pertukaran tempoh perakaunan dan penentuan tempoh asas menggunakan borang CP204B hendaklah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>

Item	Ruangan	Catatan
BAHAGIAN D: MAKLUMAT PEMEROLEH		
Maklumat bahagian ini hendaklah dilengkapkan berdasarkan dokumen pelupusan aset modal sama ada perjanjian jual beli bertulis / Borang 32A Akta Syarikat 1965 / Borang 24 - <i>Return Of Allotment Of Shares</i> / borang suratcara pindah milik di bawah seksyen 105 Akta Syarikat 2016 atau lain-lain dokumen berkenaan pindah milik aset modal.		
D1	Nama pemeroleh	<p>Pemeroleh boleh terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Individu / syarikat / perkongsian liabiliti terhad / koperasi / pertubuhan / perkongsian / keluarga sekutu hindu; ii. Nomini; iii. Pentadbir harta pusaka (wasi); iv. Pemegang amanah; v. Entiti Labuan; atau vi. Lain-lain entiti <p>Isi nama pemeroleh berdasarkan perjanjian / dokumen pelupusan.</p>
D2	No. Pengenalan Cukai (TIN)	Isi Nombor Pengenalan Cukai (TIN) (sekiranya ada). Contoh: C 10234567080
D3	No. pengenalan / pasport / pendaftaran	Isi maklumat pemeroleh berdasarkan perjanjian / dokumen pelupusan.
D4	Bilangan saham diperolehi	Bilangan unit saham yang diperolehi.
BAHAGIAN E: PENGIRAAN CUKAI KEUNTUNGAN MODAL		
HARGA PELUPUSAN SAHAM (Helaian kerja HK-CKM1 hendaklah dilengkapkan sebelum mengisi bahagian ini)		
E1	Nilai balasan pelupusan - Saham tidak tersenarai syarikat diperbadankan di Malaysia; atau - Saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia di bawah seksyen 15C.	
E1a	Nilai balasan pelupusan saham yang diperolehi sebelum 1/1/2024 dan memilih dicukai pada kadar 2% atas harga pelupusan kasar (Bagi pelupusan di bawah E1a, ruang E2 hingga E6 TIDAK terpakai, pindah amaun E1a ke E17)	Isi nilai balasan pelupusan kasar. Amaun C1 dari HK-CKM1. Nilai balasan pelupusan adalah amaun atau nilai balasan (sama ada dalam bentuk wang atau nilai wang) yang dibayar oleh pemeroleh mengikut dokumen pelupusan aset modal pada masa pelupusan atau nilai pasaran* jika pelupusan tertakluk kepada nilai pasaran di bawah subseksyen 65E(8), 65E(14) dan 65F(6). Rujuk penerangan di ruangan B2. (Bagi pelupusan saham di bawah ruangan ini, pelupus tidak layak menuntut semua perbelanjaan pelupusan di ruangan E2 hingga E6 dan tidak layak menuntut semua kos pemerolehan aset modal di ruangan E7 hingga E13) Nota: *Nilai pasaran: Kaedah penentuan nilai pasaran adalah berdasarkan garis panduan CKM yang akan dikeluarkan di portal rasmi LHDNM.

Item	Ruangan	Catatan
E1b	Nilai balasan pelupusan: - Saham yang diperolehi sebelum 1/1/2024 dan memilih dicukai pada kadar 10%; atau - Saham yang diperolehi mulai 1/1/2024	Isi nilai balasan pelupusan. Amaun C2 atau C3 dari HK-CKM1. Nilai balasan pelupusan adalah amaun atau nilai balasan (sama ada dalam bentuk wang atau nilai wang) yang dibayar oleh pemerolehi mengikut dokumen pelupusan aset modal pada masa pelupusan atau nilai pasaran jika pelupusan tertakluk kepada nilai pasaran di bawah subseksyen 65E(8), 65E(14) dan 65F(6). Rujuk penerangan di ruangan B2. Bagi pelupusan saham di bawah ruangan ini, pelupus layak menuntut perbelanjaan pelupusan di ruangan E2 hingga E4 dan layak menuntut semua kos pemerolehan aset modal di ruangan E7 hingga E13.
TOLAK :		
E2	Perbelanjaan meninggikan nilai atau memelihara nilai aset yang dilupuskan [subperenggan 65E(2)(a)(i)]	Isi maklumat perbelanjaan dilakukan berdasarkan invois atau resit bayaran yang diterima.
E3	Perbelanjaan memastikan, memelihara atau mempertahankan hak milik atau hak atas aset [subperenggan 65E(2)(a)(ii)]	Isi maklumat perbelanjaan dilakukan berdasarkan invois atau resit bayaran yang diterima.
E4	Kos sampingan pelupusan [subperenggan 65E(2)(a)(iii)]	Isi maklumat kos sampingan yang dilakukan bagi pelupusan aset modal merujuk kepada subseksyen 65E(13). Kos sampingan adalah seperti: <ul style="list-style-type: none"> • fi, komisen, upah yang dibayar atas perkhidmatan professional jurunilai, akauntan, ejen atau peguam; • kos pindah milik (termasuk duti setem); dan • kos pengiklanan untuk mendapatkan pembeli dan kos yang munasabah ditanggung untuk penilaian atau penentuan nilai pasaran.
E5	JUMLAH PERBELANJAAN DIBENARKAN DAN KOS SAMPINGAN PELUPUSAN (E2 hingga E4)	Jumlah E2 hingga E4.
E6	HARGA PELUPUSAN (E1b – E5)	Harga balasan atau nilai pasaran dari E1b ditolak jumlah perbelanjaan di E5.

Item	Ruangan	Catatan
HARGA PEMEROLEHAN SAHAM (Lengkapkan jika memilih E1b) (Helaian kerja HK-CKM2 / HK-CKM3 hendaklah dilengkap sebelum mengisi bahagian ini)		
E7	Nilai balasan pemerolehan	
E7a	Nilai balasan pemerolehan: - Saham tidak tersenarai syarikat diperbadankan di Malaysia; atau - Saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia di bawah perenggan 15C(4)(b)	Isi nilai balasan pemerolehan. Amaun C5 dari HK-CKM2. Nilai balasan pemerolehan adalah amaun atau nilai balasan (sama ada dalam bentuk wang atau nilai wang) yang dibayar mengikut dokumen pemerolehan aset modal pada masa pemerolehan atau nilai pasaran jika pemerolehan tertakluk kepada nilai pasaran di bawah subseksyen 65E(8), 65E(14) dan 65F(6). Rujuk penerangan di ruangan B2. Bagi aset modal yang diperolehi melalui kemudahan pembiayaan Syariah yang disediakan oleh perbankan Islam, subseksyen 65F(5) memperuntukkan bahawa – a) harga pemerolehan aset modal adalah amaun atau nilai balasan yang dibayar kepada orang yang melupuskan aset itu; atau b) jika aset modal itu dimiliki oleh bank, harga pemerolehan adalah jumlah atau nilai balasan yang dibayar kepada bank untuk pemerolehan aset modal tersebut.
E7b	Nilai balasan pemerolehan saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia di bawah perenggan 15C(4)(a) (Jika E7b terpakai, nilai balasan pemerolehan dianggap harga pemerolehan, ruang E8 hingga E12 TIDAK terpakai)	Gunakan HK-CKM3 bagi menentukan nilai balasan pemerolehan saham di bawah perenggan 15C(4)(a). Pindahkan amaun (k) dari HK-CKM3 ke ruangan ini.
TAMBAH:		
E8	Kos sampingan pemerolehan [subseksyen 65E(13)]	Isi maklumat kos sampingan yang dilakukan bagi pemerolehan aset modal. Amaun D4 dari HK-CKM2. Kos sampingan adalah seperti: <ul style="list-style-type: none"> • fi, komisen, upah yang dibayar atas perkhidmatan professional jurunilai, akauntan, ejen atau peguam; • kos pindah milik (termasuk duti setem); dan • kos pengiklanan untuk mendapatkan penjual.
TOLAK:		
E9	Pampasan yang diterima kerana apa-apa kerosakan atau kemusnahan kepada aset atau apa-apa susut nilai aset [subperenggan 65E(2)(b)(i)]	Berdasarkan dokumen sumber penerimaan. Isi amaun D5 dari HK-CKM2.

Item	Ruangan	Catatan
E10	Amaun diterima di bawah polisi insurans kerana kerosakan, kemusnahan atau kehilangan atau susutnilai aset [subperenggan 65E(2)(b)(ii)]	Berdasarkan dokumen sumber penerimaan. Isi amaun D6 dari HK-CKM2.
E11	Amaun deposit terluat hak diterima bagi tujuan pindah milik aset [subperenggan 65E(2)(b)(iii)]	Berdasarkan dokumen sumber penerimaan. Isi amaun D7 dari HK-CKM2.
E12	JUMLAH PENERIMAAN (E9 hingga E11)	Jumlah amaun E9 hingga E11.
E13	HARGA PEMEROLEHAN (E7a + E8 – E12) atau (E7b)	(E7a tambah E8 ditolak E12) atau (amaun dari E7b)
PENDAPATAN BERCUKAI		
E14	PENDAPATAN LARASAN / KERUGIAN LARASAN	
E14a	PENDAPATAN LARASAN SEBELUM KERUGIAN (E6 – E13)	Isi ruangan ini jika harga pelupusan melebihi dari harga pemerolehan. (Amaun di E6 ditolak amaun di E13)
E14b	KERUGIAN LARASAN (E13 – E6)	Isi ruangan ini jika harga pemerolehan melebihi harga pelupusan. (Amaun di E13 ditolak amaun di E6) Tandakan "X" di ruang berkenaan. Pindahkan amaun kerugian larasan pelupusan semasa ke Bahagian F. Kerugian larasan boleh dibenarkan sebagai tolakan daripada keuntungan pelupusan aset modal yang berikutnya dan boleh dihantar hadapan untuk ditolak daripada pendapatan larasan punca yang sama bagi tempoh sepuluh (10) tahun taksiran berturut-turut bermula sebaik selepas tahun taksiran kerugian berlaku. Walaubagaimanapun, jika kerugian larasan adalah melibatkan pelupusan aset modal yang dikecualikan di bawah seksyen 127, kerugian larasan tersebut tidak boleh di bawa hadapan.
E15	TOLAK: KERUGIAN LARASAN DISERAP (Jika mempunyai pendapatan larasan, terhad kepada E14a)	Isi amaun kerugian larasan yang boleh diserap dari pelupusan tahun semasa dan tahun taksiran ke belakang. Kerugian larasan semasa dibenarkan untuk tolakan daripada pendapatan larasan pelupusan aset modal berikutnya dalam tahun asas yang sama. Kerugian larasan tahun kebelakang hanya boleh ditolak dalam tahun asas semasa sekiranya masih terdapat lebihan pendapatan larasan setelah ditolak dengan kerugian larasan tahun asas semasa. Kerugian larasan yang diserap adalah terhad kepada pendapatan larasan di E14a. Rujuk Bahagian F dan HK-CKM4 bagi menentukan amaun kerugian larasan yang boleh diserap dalam pelupusan semasa.
E16	PENDAPATAN LARASAN (E14a – E15)	Amaun di E14a ditolak amaun di E15.

Item	Ruangan	Catatan
E17	NILAI BALASAN PELUPUSAN SAHAM YANG DIPEROLEH SEBELUM 01/01/2024 DAN MEMILIH DICUKAI PADA KADAR 2% ATAS HARGA PELUPUSAN KASAR (Dari E1a)	Pindah amaun dari E1a.
E18	PENDAPATAN BERCUKAI SEBELUM PENGECUALIAN (E16 + E17)	Amaun di E16 ditambah amaun di E17.
E19	TOLAK: PELUPUSAN ASET MODAL DIKECUALIKAN DI BAWAH SEKSYEN 127 (Jika B5=1, terhad kepada E18) Pengecualian Cukai (Isi kod pengecualian)	Isi kod pengecualian dan isi amaun pendapatan dikecualikan di bawah seksyen 127. Terhad kepada E18. Warta Kerajaan yang berkenaan hendaklah dirujuk bagi menentukan kelayakan sebelum mengisi ruangan ini. Rujuk Lampiran B untuk senarai kod pengecualian bagi pelupusan aset modal yang dikecualikan cukai di bawah seksyen 127.
E20	PENDAPATAN BERCUKAI (E18 – E19)	Amaun di E18 ditolak amaun di E19.

CUKAI KENA DIBAYAR DAN KEDUDUKAN CUKAI

E21	CUKAI DIKENAKAN																																																																																				
E21a	Jika ruang E1b terpakai di mana pelupusan saham melibatkan:																																																																																				
	<ul style="list-style-type: none"> - Saham yang diperoleh sebelum 01/01/2024 dan memilih dicukai pada kadar 10%; atau - Saham yang diperoleh mulai 01/01/2024. 																																																																																				
	Pindahkan pendapatan bercukai dari E20 ke E21a dan kira cukai dikenakan pada kadar 10% seperti contoh di bawah:																																																																																				
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tbody> <tr> <td style="width: 5%;">E16</td> <td style="width: 65%;">PENDAPATAN LARASAN (E14a - E15)</td> <td style="width: 5%;">E16</td> <td style="width: 10%;">10,255</td> <td style="width: 5%;">.00</td> <td colspan="2"></td> </tr> <tr> <td>E17</td> <td>NILAI BALASAN PELUPUSAN SAHAM YANG DIPEROLEH SEBELUM 01/01/2024 DAN MEMILIH DICUKAI PADA KADAR 2% ATAS HARGA PELUPUSAN KASAR (Dari E1a)</td> <td>E17</td> <td></td> <td>.00</td> <td colspan="2"></td> </tr> <tr> <td>E18</td> <td>PENDAPATAN BERCUKAI SEBELUM PENGECUALIAN (E16 + E17)</td> <td>E18</td> <td></td> <td>.00</td> <td colspan="2"></td> </tr> <tr> <td colspan="7" style="text-align: center;">TOLAK: PELUPUSAN ASET MODAL DIKECUALIKAN DI BAWAH SEKSYEN 127 (Jika B5=1, terhad kepada E16)</td> </tr> <tr> <td>E19</td> <td>Pengecualian Cukai (Isi kod pengecualian)</td> <td>E19</td> <td></td> <td>.00</td> <td colspan="2"></td> </tr> <tr> <td>E20</td> <td>PENDAPATAN BERCUKAI (E18 – E19)</td> <td>E20</td> <td>10,255</td> <td>.00</td> <td colspan="2"></td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">CUKAI KENA DIBAYAR DAN KEDUDUKAN CUKAI</td> <td style="text-align: center;">RM</td> <td style="text-align: center;">SEN</td> <td colspan="2"></td> </tr> <tr> <td colspan="7">E21 CUKAI DIKENAKAN</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;">Pecahan Pendapatan Bercukai (E20)</td> <td style="text-align: center;">Kadar</td> <td colspan="3" style="text-align: center;">Cukai Keuntungan Modal</td> </tr> <tr> <td>E21a</td> <td style="text-align: center;">10,255</td> <td style="text-align: center;">.00</td> <td></td> <td style="text-align: center;">10%</td> <td style="text-align: center;">1,025</td> <td style="text-align: center;">50</td> </tr> <tr> <td>E21b</td> <td></td> <td style="text-align: center;">.00</td> <td></td> <td style="text-align: center;">2%</td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>							E16	PENDAPATAN LARASAN (E14a - E15)	E16	10,255	.00			E17	NILAI BALASAN PELUPUSAN SAHAM YANG DIPEROLEH SEBELUM 01/01/2024 DAN MEMILIH DICUKAI PADA KADAR 2% ATAS HARGA PELUPUSAN KASAR (Dari E1a)	E17		.00			E18	PENDAPATAN BERCUKAI SEBELUM PENGECUALIAN (E16 + E17)	E18		.00			TOLAK: PELUPUSAN ASET MODAL DIKECUALIKAN DI BAWAH SEKSYEN 127 (Jika B5=1, terhad kepada E16)							E19	Pengecualian Cukai (Isi kod pengecualian)	E19		.00			E20	PENDAPATAN BERCUKAI (E18 – E19)	E20	10,255	.00			CUKAI KENA DIBAYAR DAN KEDUDUKAN CUKAI			RM	SEN			E21 CUKAI DIKENAKAN							Pecahan Pendapatan Bercukai (E20)				Kadar	Cukai Keuntungan Modal			E21a	10,255	.00		10%	1,025	50	E21b		.00		2%		
	E16	PENDAPATAN LARASAN (E14a - E15)	E16	10,255	.00																																																																																
	E17	NILAI BALASAN PELUPUSAN SAHAM YANG DIPEROLEH SEBELUM 01/01/2024 DAN MEMILIH DICUKAI PADA KADAR 2% ATAS HARGA PELUPUSAN KASAR (Dari E1a)	E17		.00																																																																																
	E18	PENDAPATAN BERCUKAI SEBELUM PENGECUALIAN (E16 + E17)	E18		.00																																																																																
